

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Permasalahan

Fenomena pelaburan asing adalah dinamik dan merupakan elemen baru dalam ekonomi antarabangsa. Kepentingan pelaburan asing mula meningkat selepas Perang Dunia Kedua. Dalam kebanyakan konteks, bagi negara-negara tuan rumah yang kekurangan kapital, teknologi dan sumber manusia yang berpengalaman, pelaburan asing dapat mempertingkat faktor-faktor pengeluaran dan membuka pasaran baru, lantaran itu dapat membangun sektor perdagangan dan perindustrian di negara-negara tuan rumah tersebut. Pelaburan asing ini jika dikendali dengan baik, ia akan menyumbang kearah pembangunan perindustrian yang mantap dan seterusnya pembangunan ekonomi di negara tuan rumah. Pelaburan asing boleh dianggap berperanan menyempurna atau mempertingkatkan pembangunan perindustrian dan perdagangan dalam sesebuah negara.

Stephen Hymer, seorang ahli ekonomi yang radikal berpendapat pembangunan ekonomi dan kebijakan di negara-negara sudah membangun, sedang membangun dan negara-negara sosialis akan amat bergantung besar kepada pelaburan asing terutama tindakan dari beberapa syarikat-syarikat MNC (*Multinational Corporation*).¹ Kenyataan Hymer itu menunjukkan kebenarannya di dalam kes Vietnam. Sejak Vietnam mengamalkan polisi Doi Moi (renovasi), yang mana membenarkan kemasukan pelaburan asing telah membawa pembangunan yang pesat di Vietnam.

Pertumbuhan KNK (Keluran Negara Kasar) adalah memuaskan, kadarnya telah bertambah dari 2.7% pada 1987 kepada 6.1% pada 1988 dan seterusnya meningkat secara puratanya kepada 8.2% pada tahun-tahun 1991-1994. Pada tahun 1995, KNK negara Vietnam telah memlebihi 9.5%.²

Landskap bandar Ho Chi Minh sekarang juga amat berbeza dengan sepuluh tahun yang lalu, bangunan-bangunan tinggi dan baru menggantikan bangunan-bangunan buruk dan kuno, jalanraya yang sempit dilebarkan, basikal digantikan dengan motosikal dan motokar, hotel-hotel bertaraf empat bintang yang dibina oleh pelabur-pelabur asing telah bertambah berbanding dengan pada tahun 1990, di mana hotel satu bintang pun jarang kelihatan. Selain itu, sektor pengeluaran Vietnam juga mengalami kemajuan pesat dalam sepuluh tahun selepas polisi Doi Moi dilaksanakan. Faktor kemasukan pelaburan asing merupakan penggalak yang terpenting.

Sektor industri pada masa kini meliputi 40% daripada pelaburan asing di Vietnam.³ Walaupun terdapat data-data ekonomi dan gambaran fizikal yang menunjukkan kepentingan pelaburan asing di dalam pembangunan negara Vietnam. Bagaimanapun masih terdapat berbagai-bagai kajian dan perbincangan mengenai perhubungan antara pelaburan asing dan pembangunan perindustrian di Vietnam. Antaranya, peranan penglibatan asing dalam sektor pengeluaran merupakan satu persoalan yang sukar dijawab. Pelaburan asing di Vietnam juga merupakan satu isu perbalahan. Negara tuan rumah dan pelabur-pelabur asing mempunyai agenda-agenda tersendiri dalam mempertikaikan perkembangan pelaburan asing dalam pembangunan perindustrian di Vietnam.

Selain daripada pelabur asing, peranan kerajaan dalam pembangunan negara adalah sangat penting dan tidak boleh diperkecilkan. Kerajaan merupakan pelabur yang penting dalam sektor pengeluaran sejak Vietnam mencapai Penyatuan pada 1975. Syarikat-syarikat milik negara memainkan peranan dominan dalam kebanyakan industri. Kerajaan merupakan penentu kritikal dalam persoalan komposisi dan sumbangan pelaburan asing di Vietnam. Vietnam mempunyai polisi perlindungan yang ketat dalam sektor pengeluaran, tidak menggalakkan penglibatan pelaburan asing dalam industri import gantian (*import substitution*). Tindakan demikian telah mematah minat kemasukan pelaburan asing dan menjelas prospek keuntungan dalam sesuatu projek pelaburan-pelaburan tertentu. Selain itu, kerajaan juga berperanan sebagai pengatur yang sedikit sebanyak mempengaruhi keputusan pelabur-pelabur asing. Peraturan-peraturan pelaburan asing dapat menentukan peratusan kemasukan syarikat-syarikat asing dan jenis pelaburan asing yang akan dilakukan.

Vietnam telah menjalankan polisi Doi Moi yang dimulakan pada tahun 1986. Konsep Doi Moi adalah polisi “*transitional period to socialism*”. Ia bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat dan mencipta satu situasi yang menggalakkan pembangunan ekonomi dan menggiatkan kemasukan kapital dan teknologi dalam negara. Teras Doi Moi ialah megurangkan campur tangan kerajaan dan membuka negara kepada pelaburan asing.

Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk menjayakan renovasi ini. Lantaran itu, undang-undang dan jentera-jentera yang berkaitan

dengan perdagangan dan pelaburan telah diperkenalkan, dibaharui dan disempurnakan. Kod Pelaburan Asing telah diperkenalkan pada tahun 1987, harga-harga telah diliberalkan dan kebanyakan subsidi kepada syarikat milik negara telah dibatalkan. Pada Kongres Nasional yang ketujuh dalam Parti Komunis Vietnam dalam tahun 1991, negara Vietnam mengulangi hasratnya untuk membina satu ekonomi yang pelbagai sektor dan berorientasi pasaran. Sehubungan itu, ia telah mengambil langkah-langkah agresif yang melibatkan lebih banyak perubahan dari segi struktur ekonomi. Selain daripada itu, sejak polisi Doi Moi ini dijalankan, terdapat pendebatan antara reformis dan konservatif mengenai polisi pembangunan ekonomi di Vietnam. Walau bagaimanapun, pendebatan-pendebatan ini tidak menghentikan atau menghamparkan Vietnam dari terus tumbuh. Kesan-kesan positif lebih menonjol dari kesan-kesan negatif yang kebanyakannya terdiri daripada “*social evils*”.

Pada tahun 1991, konsep *Export Processing Zone* (EPZ) juga telah diperkenalkan bagi mempercepatkan proses perindustrian dan reformasi ekonomi di Vietnam. Pemimpin-pemimpin negara berharap dengan pengenalan EPZ ini akan menjadi pemangkin dalam pembangunan perindustrian dan modenisasi di Vietnam. EPZ diidentitikan sebagai kawasan penting untuk menarik syarikat-syarikat perkilangan asing dalam aktiviti-aktiviti eksport. Walau bagaimanapun, perkembangan EPZ di Vietnam tidak menunjukkan kemajuan seperti yang dijangkakan oleh pimpinan kerajaan Vietnam. Pada tahun 1997, kerajaan Vietnam telah menggalakkan EPZ-EPZ yang sedia ada menukar tarafnya dari EPZ kepada *Industrial Zone* (IZ) yang

mana EPZ merupakan subset kepada IZ. Tindakan ini dilakukan dengan harapan akan memberi lebih pilihan kepada pelabur-pelabur asing dan pengusaha-pengusaha tempatan.

Pencapaian EPZ yang tidak memenuhi harapan pimpinan dan masyarakat Vietnam telah didebatkan dan dipersoalkan antara pakar-pakar ekonomi, pemimpin-pemimpin dan juga pemaju-pemaju EPZ tersebut. Pihak kerajaan dan masyarakat Vietnam sering menuduh pemaju-pemaju tidak mencurahkan usaha sepenuhnya dalam pembangunan EPZ di Vietnam. Sementara itu, pihak pemaju-pemaju pula, yang hampir kesemuanya terdiri daripada pelabur asing mempunyai cerita pahit tersendiri. Pengkaji telah mengambil salah satu pemaju EPZ dalam membincangkan mengapa EPZ itu tidak boleh berjaya dan bagaimana pelabur asing tersebut menderita daripada pengalaman melabur di Vietnam.

“After ten years of Doi Moi (reform) we are able to better meet the demands of the development of human resources and improvement of social welfare.”⁴ Tidak dapat dinafikan antara negara-negara yang mengalami reformasi ekonomi dan pembangunan perindustrian, Vietnam dapat dianggap agak berjaya. Terdapat berbagai-bagai faktor yang menyumbang ke arah kejayaan itu; masyarakat Vietnam merupakan sekumpulan yang homogeneous secara relatifnya, Vietnam mempunyai kekayaan dalam sumber-sumber tenaga kerja dan semulajadi. Tambahan pula, prospek dalam pengeluaran dan perkilangan adalah baik. Kekurangan kapital dalam pasaran boleh diatasi dengan polisi-polisi pelaburan asing yang paling liberal di rantau Asia. Bagaimanapun, selepas sepuluh tahun Doi Moi dimulakan, kelihatan

kemerosotan dalam pembangunan ekonomi Vietnam. Ramai pelabur asing telah menarik diri keluar dari Vietnam atau mengecilkan operasi di Vietnam. Pada tahun 1997, output industri ialah 13.2% berbanding dengan 14% pada tahun 1994.⁵ Keseluruhan pelaburan asing di Vietnam telah mengalami kejatuhan pada tahun 1996 juga. Pelaburan asing hanya berjumlah US\$3.5 bilion berbanding dengan US\$7 bilion pada tahun 1995. Ini merumitkan pembangunan ekonomi di Vietnam. Kejatuhan pelaburan asing dan kenaikan kes-kes kegagalan pelaburan asing di Vietnam merupakan tajuk tunggak di dalam konteks ini. Pemimpin-pemimpin dan masyarakat Vietnam masih perlu berusaha giat membaiki perikliman pelaburan asing dan menyusun semula strategi pembangunan perindustriannya.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan, kepentingan dan permasalahan pelaburan asing dalam konteks pembangunan perindustrian di Vietnam. Kajian ini akan mengkaji latar belakang perkembangan perindustrian, polisi-polisi Doi Moi, situasi dan perikliman pelaburan asing di Vietnam dan masalah-masalah dan cabaran-cabaran dalam pembangunan perindustrian di Vietnam. Kajian ini akan berdasarkan satu kajian kes pelaburan asing dari Malaysia untuk membincangkan persoalan ini dengan lebih terperinci.

1.3 Objektif Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian tersebut, beberapa objektif telah dirangka:-

1. Untuk mengkaji pembangunan perindustrian di Vietnam sejak tahun 1954 hingga ke 1990-an.
2. Untuk mengkaji rangsangan-rangsangan dan insentif-insentif yang wujud dan yang ditawarkan oleh kerajaan Vietnam kepada pelabur-pelabur asing dalam usaha menggalakkan pembangunan perindustrian. Dalam hubungan itu, adakah rangsangan-rangsangan dan insentif-insentif itu telah mempercepatkan proses pembangunan perindustrian. Penentu-penentu persaingan dari aspek penawaran, seperti pembangunan infrastruktur, fasiliti kewangan dan penawaran tenaga kerja dibincangkan dan didapati Vietnam mempunyai potensi yang tinggi berbanding dengan negara-negara yang sedang membangun yang lain, kekurangan-kekurangan yang ada sekarang pasti dapat diatasi pada masa depan. Jadi apakah yang menyebabkan pelabur-pelabur asing yang mempunyai visi jangka masa panjang merasa kecewa dan hampa terhadap perkembangan pembangunan perindustrian dan ekonomi pasaran di Vietnam.
3. Untuk mendedah keadaan sebenar yang berlaku dalam pelaburan asing di Vietnam berdasarkan pengalaman sebuah syarikat asing di Vietnam. Dari proses permulaan sehingga ke peringkat pemasaran, apakah masalah-masalah dan halangan-halangan yang telah timbul. Setakat manakah kemampuan dan tindakan syarikat tersebut bagi mengatasi masalah-masalah dan halangan-halangan yang wujud. Kajian kes ini juga dapat

memberi idea tentang pembangunan EPZ dan IZ yang mempunyai perbuhungan langsung dengan pembangunan perindustrian di Vietnam.

4. Untuk membincangkan masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang menyekat pembangunan perindustrian secara umumnya dan kemasukan pelaburan asing secara spesifiknya.

1.4 Kawasan Kajian

1.4.1 Geografi

Vietnam terletak di Timur Indochina, bersempadan dengan China di Utara dan Laos dan Kembodia di Barat. Dengan kawasan kira-kira 330,000 kilometer persegi, negara itu hampir sama saiz dengan Malaysia. Vietnam mempunyai pantai yang panjang lebih 3,000 kilometer. Pergunungan dan perhutanan meliputi hampir tiga suku daripada tanah Vietnam. Terdapat dua sungai yang utama, Sungai Mekong di Selatan dan Sungai Merah di Utara, kedua-dua membentuk delta yang subur.

Walaupun negara itu terletak di zon tropika, iklim tropika hanya terdapat di bahagian Vietnam Tengah dan Selatan, dengan panas dan lembap sepanjang tahun. Di bahagian Utara, terdapat musim sejuk disebabkan angin sejuk kepulauan. Biasanya musim sejuk juga merupakan musim kering kepada kesulurhan negara, tetapi hujan adalah susah dijangkakan kerana pengaruh dari beberapa monsun.

Dari segi pentadbiran, Vietnam terbahagi kepada lima puluh dua (52) provinsi. Ini termasuk bandar-bandar utama seperti Hanoi dan Ho Chi

Minh dan zon-zon khas seperti Vung Tau dan Can Tho di bawah pentadbiran dan kuasa kerajaan pusat.

Lokasi geografi Vietnam diberkati oleh kelebihan-kelebihan yang amat berpotensi yang beruntung dari ekonomi antarabangsa. Vietnam terletak di Asia Tenggara, satu rantau di mana pada dua dekad kebelakangan telah mencapai kadar pertumbuhan yang paling tinggi di dunia dan telah mencapai transformasi struktur yang luar biasa. Kebanyakan negara di rantau ini telah terlibat dalam perdagangan dan kewangan global untuk mengeksplot dinamik kelebihan-kelebihan yang kompetitif. Jadi, secara langsung telah meletakan satu asas kepada polisi-polisi pembangunan Vietnam dalam visi jangka masa panjang.

Kawasan yang luas, pantai yang panjang dan rangkaian sungai yang mudah dan cergas telah menjadikan Vietnam sebuah negara dagang semulajadi. Ia mempunyai potensi yang besar untuk berhubung dengan pasaran dunia dengan kompetitif yang mana masih belum dieksplotasi dengan lengkap dan sempurna.

Vietnam yang berhampiran dengan dinamik ekonomi Asia Tenggara menjana peluang-peluang ekonomi yang baik. Pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur asing telah menunjukkan minat untuk berdagang dan melabur di Vietnam, terutama sejak Vietnam memperkenalkan polisi renovasi pada tahun 1986.

1.4.2 Penduduk

Penduduk Vietnam pada tahun 1990 lebih daripada 73 juta orang, di mana lebih tiga suku daripadanya tinggal di kawasan luar bandar. Mengikut bancian 1991, terdapat 35 juta orang dalam golongan kerja. Adalah dijangkakan hampir 75% daripada tenaga kerja di Vietnam diupah oleh syarikat-syarikat milik negara. Pada tahun 2000, populasi negara Vietnam diramalkan akan mencapai 80 juta orang. Pada masa kini, tiga bandar mempunyai penduduk yang teramai, iaitu Ho Chi Minh, 7 juta; Hanoi, 4 juta dan Hai Phong, 1.5 juta.⁶

Penduduk Vietnam merupakan golongan muda dan berpelajaran tinggi. Terdapat 49% daripada penduduk Vietnam berada di bawah umur 19. Kadar kebolehan membaca ialah 88% mengikut Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walaupun Vietnam merupakan antara negara mundur di dunia, namun begitu, indikator-indikator sosialnya memperlihatkan ia merupakan salah satu negara Asia Tenggara yang sedang membangun. Ia boleh ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Keadaan Penduduk per doktor di Vietnam lebih baik daripada negara Indonesia dan negara Thai manakala kadar kematian bayi lebih rendah daripada Indonesia dan Filipina dan kadar kebolahan membaca lebih tinggi berbanding dengan Indonesia dan Malaysia.

1.4.3 Situasi Ekonomi di Vietnam

Vietnam telah melalui satu tempoh transisi politik dan ekonomi yang rumit dan mencabar. Dengan tamatnya peperangan pada tahun 1975,

Jadual 1.1: Indikator-indikator Sosial Di Beberapa Buah Negara Asia Tenggara

Negara	Penduduk Per Doktor	Kadar kematian bayi (%)	Kadar kebolehan membaca (%)
Vietnam	2,857	37	88.0
Indonesia	11,647	70	81.5
Malaysia	2,656	14	78.5
Filipina	1,016	46	93.5
Negara Thai	4,361	27	93.0

Sumber: Laporan ekonomi yang dikeluarkan oleh *Peregrine Capital Company*, 1996, hlm. 3

pimpinan Vietnam telah berhadapan dengan tugas utama untuk menyusun dan membina semula negara. Sehingga kini, ekonomi Vietnam masih berasas kepada pertanian, di mana hampir 80% penduduk tinggal di kawasan luar bandar dan bergantung hidup kepada sektor pertanian, perhutanan, perikanan dan lain-lain aktiviti ekonomi yang berkaitan. Sektor perkilangan masih di tahap rendah, yang menggunakan peralatan dan pemprosesan kuno, menyumbang kira-kira 30% kepada KNK (Keluran Negara Kasar) pada tahun 1995.⁷ Disebabkan terlibat dalam peperangan yang panjang, Vietnam hanya dapat menumpukan usaha yang sedikit dalam pembangunan sosial-ekonomi, menyebabkan Vietnam masih merupakan sebuah negara yang belum membangun. Pendapatan per kapital rasmi yang dianggarkan sebanyak US\$220 pada tahun 1995, merupakan salah sebuah negara yang termiskin di dunia. Walau bagaimanapun, pendapatan sebenar per kapital adalah tinggi, dianggarkan di antara US\$600 - US\$800 (tahun 1995).

Sejak ekonomi liberal bermula pada tahun 1986, kerajaan telah mengumumkan beberapa cara dan peraturan untuk mengubah negara itu dari ekonomi perancangan pusat kepada orientasi pasaran. Polisi pelaburan asing yang liberal, fleksibel dan transformasi satu ekonomi terbuka telah membawa pembangunan yang teguh dalam perhubungan ekonomi luaran. Perdagangan luaran telah beralih dari pasaran-pasaran tradisional yang didominasi oleh Soviet Union lama dan Eropah Timur kepada pasaran baru yang lebih luas, terutamanya ke Asia Timur dan Asia Tenggara. Pertumbuhan eksport adalah menggalakkan dan imbangan pembayaran telah meningkat pada tahun-tahun 1990-an.

Akibat dari Doi Moi dan usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan pelaburan, nilai tahunan bagi pelaburan asing telah meningkat dengan pesatnya, dari US\$366 juta pada tahun 1988 kepada US\$7 bilion pada tahun 1995. Size purata projek pelaburan asing (kecuali dalam sektor petroleum) juga meningkat, dari purata US\$11.7 juta per projek pada tahun-tahun 1993-94 dan kira-kira US\$13 juta pada tahun 1995 berbanding purata saiznya pada 1988-90 hanya US\$3.5 juta.⁴

Penjalinan hubungan semula dengan *International Monetary Fund* (IMF), *World Bank* (WB) dan *Asian Development Bank* (ADB) telah memberi lauan bagi Vietnam kepada pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi kewangan antarabangsa dan memudahkan lagi kemasukan kapital asing dan teknologi moden ke negara itu. Mengikut *General Statistical Office* Vietnam, US\$ 1.8 bilion bantuan pembangunan telah disalurkan ke Vietnam pada tahun 1996.

1.4.4 Latar Belakang Danang EPZ/IZ

Bandar Danang terletak di bahagian pertengahan Vietnam. Ia merupakan salah satu pusat fokus bagi pelaburan asing. Dengan satu jam penerbangan dari Hanoi di Utara atau Ho Chi Minh di Selatan, Danang dipandang sebagai pintu bagi pembangunan ekonomi di pertengahan Vietnam dan juga potensi transit perdagangan dengan pasaran dalaman seperti Laos, Kambodia dan bahagian timur Negara Thai. Pelabur-pelabur asing di Danang dapat menikmati pantai yang cantik seperti *China Beach* dan tempat-tempat bersejarah seperti Hoi An dan Hue. Beberapa hotel bertaraf tinggi telah

membekal fasiliti-fasiliti kepada pelabur-pelabur dari Malaysia, Jepun, Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan dan lain-lain. Dengan mempunyai penduduk yang berjumlah kira-kira 700,000, Danang dapat membekal sumber tenaga kerja yang muda dan berkemampuan.

Danang juga mempunyai pelabuhan yang ketiga terbesar di Vietnam, iaitu pelabuhan Tien Sa. Luas gudang di pelabuhan ini ialah 15,000 meter persegi dan pelabuhan tersebut mampu memberi perkhidmatan kepada empat buah kapal yang beratnya 30,000 dwt pada satu masa. Pelabuhan Sungai Han yang menghubungkan kawasan pendalaman dengan pelabuhan Tien Sa juga mempunyai fasiliti yang boleh mengendalikan empat buah kapal yang beratnya 6,000 dwt dalam satu masa.

Selain itu, Danang juga mempunyai beberapa buah bank tempatan dan bank antarabangsa untuk mengendalikan urusan perdagangan dan pelaburan asing.

Danang EPZ/IZ ialah “*brainchild*” oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Vietnam dan telah dikonsepsikan semasa lawatan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1992. Rakan usahasama terdiri daripada Syarikat Marikawan⁹ dan *Danang Infrastructural Development and Industrial Services Corporation*(DDC) (dahulunya dikenali sebagai *Quang-Nam Danang Export Processing Zone Development Corporation* (DANEZONE), Syarikat Marikawan mengambil 65% ekuiti manakala DDC memegang 35% ekuiti.

Danang EPZ/IZ ini mendapat sokongan penuh daripada kedua-dua kerajaan Malaysia dan Vietnam. Pakar-pakar dan kakitangan Malaysia telah ditempatkan dalam projek pembangunan itu.

Danang EPZ/IZ ini telah dianggap gagal menarik pelaburan asing seperti yang diharapkan selepas selama empat tahun ia menerima lesen pada tahun 1993. Tekanan dari pemimpin pusat dan tempatan adalah besar, tetapi pemaju yang terlibat terutama pelabur Malaysia mempunyai satu set masalah yang perlu diselesaikan sejak mula ia menerima lesen sehingga ia boleh menerima permohonan pelabur-pelabur asing yang lain. Masalah-masalah yang menonjol antara lain ialah hak penggunaan tanah, pampasan dan perpindahan penghuni-penghuni, tidak ada kerjasama dalam rakan usahasama, birokrasi dan pelbagai lagi.

1.5 Metodologi Kajian

Pada peringkat permulaan, pengkaji cuba menghuraikan data-data statistik untuk mengkuantitikan perubahan-perubahan dalam KNK, kadar inflasi, kadar pengangguran dalam sesuatu tempoh. Walaupun data-data statistik Vietnam dianggap lemah, tetapi ia masih dapat memperlihatkan arah perkembangan pada jangka masa panjang terutama data-data yang dikeluarkan selepas 1990. Pada umumnya, darjah kebolehpercayaanya data-data Vietnam adalah rendah. Vo Van Kiet, Perdana Menteri Vietnam pernah mengkritik angka-angka statistik yang salah telah menyebabkan keputusan-keputusan polisi yang salah. Punca utama ialah sistem pengumpulan data di Vietnam masih ketinggalan zaman, tetapi pada realitinya ialah pegawai-pegawai berkuasa dengan sengaja memberi statistik yang salah untuk menunjukkan “kejayaan”.¹⁰

Untuk membincangkan pembangunan perindustrian di Vietnam, satu kajian kes telah dilakukan. Pendekatan ini penting kerana di Vietnam terdapat banyak kekurangan dari segi informasi dan pengetahuan. Pendekatan ini mempunyai kelebihan dan juga kekurangan. Ini disebabkan kajian kes membekalkan informasi yang tepat ke atas situasi dan perubahan dalam projek individu, tetapi tidak akan menunjukkan gambaran yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, apabila kajian kes ini dibandingkan dan dirujukkan, ia boleh memberi satu idea tentang bagaimana perkembangan reformasi di Vietnam telah diperlakukan dan diterima oleh pemimpin-pemimpin kerajaan dan masyarakat Vietnam. Apabila reaksi berbeza dengan sistem, beberapa persoalan akan muncul dan daripada itu, gambaran yang lebih sempurna akan didapati. Dalam pendekatan ini, pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah permerhatian ikut serta di mana pengalaman pengkaji yang bekerja di sebuah syarikat rakan usahasama di Malaysia-Vietnam dirujukkan. Syarikat yang dimaksudkan ialah Syarikat Marikawan.

Syarikat Marikawan merupakan syarikat yang disenaraikan sebagai syarikat awam, ditubuhkan pada tahun 1992. Penubuhan syarikat ini adalah lanjutan daripada kejayaan misi perdagangan Malaysia ke Amerika Latin pada tahun 1991 yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Syarikat Marikawan menerima galakan, panduan dan sokongan penuh daripada Perdana Menteri Malaysia.

Objektif penubuhan Syarikat Marikawan ialah mempromosi dan menggalakkan perdagangan, pelaburan dan usahasama dan juga

memainkan peranan sebagai pemangkin untuk mencapai objektif-objektif di atas.

Syarikat Marikawan merupakan satu konsortium yang terdiri daripada 85 pemegang saham, yang kebanyakannya mereka terdiri daripada pemimpin-pemimpin koperat. Kepakaran dan kemahiran pemimpin-pemimpin koperat tersebut hampir meliputi kesemua bidang dan sektor teknologi termasuk perladangan, produk pertanian dan perkilangan, telekomunikasi, pembinaan, pembangunan harta tanah, pembankalan, perlombongan, petroleum dan gas, perlancongan dan perhotelan, dan pengurusan pelabuhan.

Syarikat Marikawan mempunyai misi sebagai pemangkin dan berperanan mempromosi projek usahasama antara usahawan-usahawan Malaysia dan pelabur-pelabur dari negara-negara Selatan. Selain daripada itu ia juga melibatkan diri dalam projek-projek pembangunan terutama dalam sektor di mana Malaysia mempunyai kepakaran teknikal dan pengurusan.

Syarikat ini juga memainkan peranan dalam membuka pasaran baru untuk barang dan perkhidmatan Malaysia, terutama ke negara-negara Selatan. Ia juga berperanan sebagai tempat rujukan bagi pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur, pembekal pengetahuan dan maklumat pasaran dan juga peluang-peluang perdagangan dan pelaburan.

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, Syarikat Marikawan akan melibatkan diri dalam misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara Selatan bersama dengan Kerajaan Malaysia. Ia juga menganjurkan "*fact-finding mission*" ke negara-negara Selatan yang terpilih.

Setakat ini, Syarikat Marikawan telah mempunyai projek-projek pelaburan di negara-negara Selatan seperti "*leather tannery*" di Argentina, pelaburan dalam pembinaan bangunan komersial di Chile, pelaburan dalam membangun semula satu depoh keretapi di Chile dan pembinaan apartmen hotel di Myanmar. Di Vietnam, syarikat Marikawan telah melabur dalam pembekalan air di Bandaraya Ho Chi Minh dalam bentuk "*Build, Operate and Transfer (BOT)*" dan juga pelaburan dalam pembangunan zon industri di Danang.

Syarikat Marikawan dipilih sebagai kajian kes, kerana ia merupakan di antara syarikat asing terbesar yang beroperasi. Syarikat-syarikat besar yang lain seperti Tan Chong Nissan, BBI (Sebuah syarikat milik Amerika Syarikat), Mulpha International dan lain-lain masih belum memulakan operasi mereka. Syarikat-syarikat asing yang telah beroperasi seperti Quoc Bao, Valley View, Royal Craft dan lain-lain kesemuanya bersaiz lebih kecil daripada Syarikat Marikawan.

Pengkaji telah berada di kawasan kajian selama tiga tahun (1995 hingga 1998). Sepanjang tempoh tersebut, pengkaji telah memerhati dan terlibat secara langsung dalam satu projek yang berkait terus dengan pembangunan perindustrian di Vietnam. Kehadiran dan penglibatan pengkaji sepanjang tempoh tersebut membolehkan pengkaji memperolehi data yang berkaitan dengan lebih tepat. Dalam kajian ini, semasa pengkaji merumuskan kenyataan dan rumusan, pengkaji akan cuba mengurangkan masalah miring.

Selain itu, pengkaji juga mengadakan temubual yang tidak berstruktur dengan pegawai-pegawai di pejabat-pejabat kerajaan Vietnam,

pegawai-pegawai tinggi Syarikat Marikawan dan juga pelabur-pelabur asing. Disebabkan persahabatan dan kedudukan pekerjaan tersebut, maklumat yang lengkap mudah diperolehi.

Pada peringkat akhir, pengkaji menyemak polisi-polisi rasmi dan kajian-kajian terdahulu tentang Vietnam melalui melalui jabatan kerajaan yang berkaitan dan kajian perpustakaan.

1.6 Kajian Terdahulu

Satu persoalan yang perlu diambil perhatian ialah kajian-kajian ke atas negara Vietnam adalah tidak konsisten. Disebabkan Vietnam terlibat dalam beberapa perang dan pengamalan fahaman sosialis, kebanyakan kajian adalah meliputi politik dan pergelutan kuasa. Dan kebanyakan kajian dijalankan oleh Sarjana Barat, terutama dari Perancis dan Amerika Syarikat. Disebabkan perbezaan dalam fahaman ideologi, tidak hairanlah kajian-kajian lebih berpihak kepada budaya barat dan mengutuk Vietnam.

Kajian-kajian ke atas persoalan ekonomi di Vietnam amat kurang sekali. Ini kerana pengumpulan data-data di Vietnam adalah sangat rumit; ia tidak mempunyai institusi tertentu dan tenaga manusia yang berpengalaman untuk mengumpul data. Malah data-data yang ada kebanyakan adalah tidak boleh dipercayai kerana pihak Vietnam akan mengubah data-data mengikut keinginan dan kepentingan masing-masing.

Selain ini, Vietnam yang mengamalkan polisi tutup pintu telah menghalang Sarjana-sarjana untuk mengkaji keadaan ekonomi di Vietnam. Sejak tahun 1975, kajian-kajian ekonomi yang ada ialah dijalankan oleh Vo

Nhan Tri¹¹, Tetsusaburo Kimura¹² dan Melanie Beresford¹³. Di dalam kajian masing-masing, tumpuan ialah menganalisa polisi-polisi Vietnam dalam konteks pembangunan ekonomi sejak tahun 1975. Perbincangan ketiga-tiga Sarjana itu lebih dalam nada kritikan daripada pujian. Mereka mempercayai Vietnam yang telah melakukan kesalahan besar (dengan mengamalkan ekonomi tertutup) pada masa lalu patut sedar sekarang dan mengambil langkah yang lebih tegas dalam renovasinya.

David G.Marr dan Christine Pelzer White¹⁴ merupakan sarjana yang mengkaji dilema-dilema Vietnam selepas tahun 1975. Skop kajian adalah pelbagai, mereka mengkaji dari segi ideologi, politik, polisi-polisi kerajaan, perkembangan pendidikan, sistem pentadbiran dan sebagainya. Dalam perbincangan mereka, kelemahan-kelemahan polisi-polisi lebih nyata dan menunjukkan Vietnam telah melakukan kesalahan pada masa lalu dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi dan sosial terbantut. Seorang sarjana Vietnam, Nguyen Anh Tuan¹⁵ dalam kajiannya membincangkan latar belakang pembangunan perindustrian di Vietnam sejak tahun 1975. Apa yang membezakannya dengan sarjana-sarjana di atas ialah beliau telah membandingkan keadaan Vietnam dengan negara-negara Asia Timur yang lain. Walaupun kajian Tuan secara implisitnya menunjukkan belas kasihan terhadap keadaan ekonomi di Vietnam, namun beliau juga setuju bahawa Vietnam telah melakukan kesalahan dalam polisi-polisi pembangunan ekonominya.

Perubahan telah berlaku selepas Vietnam mengamalkan polisi buka pintu dan Doi Moi pada tahun 1986. Pada awal tahun 1990an, ramai

sarjana mengkaji polisi Doi Moi yang merangkumi dari segi latar belakang pengenalannya, keberkesanan, masalah-masalah dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Sekumpulan Sarjana dari *Stockholm School of Economies* telah menjalani satu siri kajian mengenai fenomena Doi Moi ini. Antaranya ialah Per Ronnas dan Orjan Sjoberg¹⁶ dan Stefan de Vylder¹⁷. Mereka mengkaji perubahan-perubahan penting yang berlaku dalam ekonomi Vietnam sejak negara itu mengamalkan polisi Doi Moi pada pertengahan 1980an. Kajian ini walaupun menyentuh kegiatan makro-ekonomi secara keseluruhan, namun begitu tumpuan utama diberikan kepada konsep dan ideologi reformasi ekonomi di Vietnam dan peranan kerajaan dalam pembangunan ekonomi pada masa depan. Dalam kajian mereka, perbincangan lebih fokus kepada fahaman ideologi dan sosio-politik di Vietnam. Keberkesanan polisi Doi Moi dipersoal dari segi struktur asas dan polisi-polisi kerajaan. Kajian-kajian sebegini memberi fahaman yang baik dari segi latar belakang tetapi ia tidak menyentuh masalah-masalah mikro yang membantut pembangunan ekonomi dan kemasukan pelaburan asing di Vietnam.

Sekumpulan sarjana lain berada di bawah pimpinan Mya Than¹⁸ dan Joseph L.H. Tan. Sarjana-sarjana tersebut telah membincangkan dilema-dilema serta pilihan-pilihan yang akan dihadapi oleh Vietnam dalam proses pengubahsuaian dari ekonomi tradisional kepada ekonomi pasaran dalam tekanan *regionalism* dan blok-blok perdagangan yang semakin mencabar. Tumpuan sarjana-sarjana tersebut ialah mengenai peranan dan kepentingan kerajaan dalam menjamin kejayaan reformasi ekonomi di Vietnam¹⁹, pengurusan ekonomi dari segi aspek fiskal dan kewangan²⁰,

perkembangan polisi dan renovasi pembangunan perindustrian di Vietnam. Dalam perbincangan Jurgen Reinhart²¹, beliau berpendapat pelaburan asing, penswastaan syarikat-syarikat awam dan memaksimakan hubungan dan kerjasama dengan ekonomi luar adalah kunci kejayaan bagi pembangunan perindustrian di Vietnam. Manakala Adam McCarty²² pula dengan menggunakan pendekatan kajian kes untuk menganalisa renovasi industri di Vietnam dari tahun-tahun 1986-1991. Beliau berpendapat pencapaian Vietnam adalah membanggakan, walau bagaimapun, beliau menyatakan akan kemampuan kerajaan Vietnam samada ia dapat memperkenalkan satu rangka kerja institusi dan perundangan yang sempurna untuk menghadapi perubahan-perubahan dalam ekonomi dan masyarakat.

Sarjana-sarjana lain pula mengkaji topik mengenai pembangunan pertanian²³, pembangunan tenaga manusia²⁴, perhubungan perdagangan luar²⁵ dan perkembangan bantuan ODA²⁶ (*Overseas Development Assistance*). Satu persamaan dalam semua kajian tersebut ialah memperlihatkan keyakinan bahawa Vietnam akan meneruskan polisi Doi Moi dan ia tidak akan berpatah balik.

Derek Tonkin²⁷ selaku duta British ke Vietnam yang telah tinggal di negara itu selama 35 tahun telah menghasilkan tulisan dan kajian yang sering menunjukkan insaniah. Tonkin mengagungkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pemimpin Vietnam dalam pembangunan ekonomi negaranya. Walau bagaimapun, masalah dan rintangan yang terbesar dalam negara Vietnam ialah keinginan Vietnam untuk mengekalkan syarikat-syarikat milik negara sebagai tulang belakang ekonomi. Tonkin mempercayai

keputusan pemimpin Vietnam ini ialah atas desakan keyakinan dan keutuhan politik. Dalam kajiannya, Tonkin memperlihatkan kecintaannya terhadap negara Vietnam.

Brantly Womack²³ pula amat berbeza dengan Tonkin, beliau mengambil peristiwa-peristiwa penting dalam tahun 1996 untuk memulakan kajian ke atas Vietnam dari segi ekonomi dan politik. Womack berpendapat dalam Parti Kongress kelapan menunjukkan Vietnam telah dikawal oleh golongan konservatif dan pembukaan ekonomi pasaran yang seterusnya akan disekat. Womack tidak menganggap Vietnam telah mencapai kejayaan besar kecuali dari segi diplomatik. Beliau menganggap reputasi antarabangsa Vietnam telah semakin terjejas selepas beberapa peristiwa-peristiwa pada tahun 1996 seperti larangan menggunakan bahasa asing dalam periklanan dan penolakan untuk membahului visa bagi seorang wartawan dari *Far Eastern Economic Review*.

Gabriel Kolko²⁴ pula lebih membincangkan pergolatan kuasa dalam fahaman ideologi antara sosialis dan komunis dengan kapitalis. Beliau berpendapat Vietnam sedang memasuki satu krisis yang serius. Dalam haluan ke ekonomi pasaran, risiko yang paling besar ialah sosialisme mungkin tidak akan dapat diteruskan dan parti pada akhirnya akan lerai atau hancur bergantung kepada bagaimana ia menghadapi dilema-dilema yang sedang mencabar sosialisme di Vietnam.

Andres Thalemann²⁵ pula membincangkan masalah-masalah yang timbul akibat polisi buka pintu dan pelaksanaan ekonomi pasaran. Masalah-masalah ini merupakan “social evils” seperti rasuah dan

penyeludupan yang semakin meningkat, persaingan antara syarikat milik negara dan syarikat swasta yang semakin menonjol, kelemahan dalam sektor kewangan dan pentadbiran dan kelemahan dalam tenaga manusia. Perbincangan beliau tidak disusun dengan sistematik, ia lebih merupakan satu laporan wartawan daripada satu kajian akademik.

William S.Turkey dan Mark Selden³¹ dan Irene Norland³² dan Carolyn L. Gates bersama-sama dengan sekumpulan sarjana lain mengkaji polisi Doi Moi dari segi politik dan ideologinya. Persoalan utama dalam perbincangan mereka ialah adakah Vietnam akan mengekalkan status sosialis sedangkan ekonominya telah semakin menghala ke arah kapitalis.

Selain daripada sarjana-sarjana yang mengkaji polisi Doi Moi dari segi politik dan fahaman ideologi dalam aspek makro, Vietnam juga mempunyai satu aliran sarjana yang hanya berminat dalam angka statistik untuk membincangkan keberkesanan Doi Moi itu dari segi kuantitatif. Sarjana-sarjana ini antara lain termasuklah Norbert Von Hofmann³³ dan James Riedel³⁴. Kedua-dua sarjana tersebut telah menimbulkan satu persoalan yang umum, iaitu adakah pencapaian-pencapaian yang agak berjaya dalam beberapa tahun itu boleh bertahan pada masa jangka masa panjang. Kedua-dua sarjana tidak menunjukkan tanda positif dalam kesimpulan masing-masing. Bagi mereka *sustainability* adalah bergantung kepada kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kerajaan dalam penggubalan polisi-polisi dan pengimplemantasiannya.

Terdapat juga sarjana-sarjana yang mengkritik polisi-polisi yang terdapat di Vietnam. Biasanya tulisan-tulisan sedemikian dihasilkan oleh

sarjana-sarjana barat atau wartawan-wartawan barat. Pada pandangan mereka, Vietnam merupakan satu tempat yang penuh dengan perangkap dan masalah, dan amat mengecewakan pelabur-pelabur asing. Antara mereka ialah Adam Schwardz³⁵ dan wartawan-wartawan dari *Asian Journal Wall Street, Business Times, Times* dan *International Herald Tribune*. Niat mereka ialah untuk menyedarkan pelabur-pelabur yang berminat di Vietnam agar berhati-hati tetapi kadang-kala persempahan adalah terlalu kritik dan negatif seolah-olah bermotif untuk membantutkan minat pelabur-pelabur yang berpotensi. Tulisan-tulisan ini adalah baik jika dibaca seiring dengan laporan-laporan yang diterbitkan oleh cetakan tempatan, maka ia boleh menjadi “pelengkap” (*complement*) kerana laporan-laporan tempatan Vietnam hanya akan melaporkan berita-berita positif dan menyembunyikan berita-berita negatif.

Di Vietnam, memang terdapat banyak tulisan yang membincangkan kesan-kesan positif dan insentif-insentif pelaburan asing. Tulisan-tulisan sebegitu biasanya terdapat di majalah-majalah, suratkhabar-suratkhabar dan kertas-kertas seminar terbitan Vietnam. Satu keunikan ialah kesemua tulisan itu hanya melaporkan berita baik dan positif sahaja, seakan-akan Vietnam ialah satu syurga yang penuh dengan kekayaan dan kejayaan. Ini boleh lihat di dalam terbitan-terbitan seperti *Vietnam Economic Times, Saigon Times, Vietnam News, Vietnam Today* dan sebagainya.

Mark Mason³⁶, seorang sarjana dari Amerika Syarikat pula melalui kajian ke atas syarikat-syarikat Jepun dan Amerika Syarikat yang melabur di Vietnam telah memberi komen bahawa pelabur-pelabur asing di Vietnam lebih banyak menghadapi cabaran daripada menikmati insentif-

insentif yang ditawarkan oleh kerajaan Vietnam. Walau bagaimanapun, perbincangan beliau hanya pada peringkat umum sahaja.

Selain Mason, Carolyn L. Gates³⁷ juga mengkaji tentang fenomena pelaburan asing di Vietnam. Tulisan Gates lebih kepada disiplin ekonomi tulin; kajianya lebih tertumpu kepada aspek ekonomi di mana beliau berpendapat kemasukan pelaburan asing merupakan satu cara yang baik untuk merapatkan jurang ekonomi di Vietnam. Beliau juga agak puas hati dengan pencapaian ekonomi Vietnam setakat ini, walaupun dalam kajianya juga menunjukkan kekhawiran tentang masalah-masalah yang mencabar dan menyekat kemasukan pelaburan asing seperti institusi yang tidak lengkap, polisi yang tidak telus dan sebagainya.

Terdapat juga tulisan-tulisan yang merujuk kepada pelabur-pelabur asing secara spesifik. Situasi ekonomi secara umum di Vietnam, undang-undang pelaburan asing, cara-cara melakukan perdagangan dan pelaburan di Vietnam dan masalah-masalah yang bakal dihadapi ditunjukkan. Tulisan-tulisan itu boleh diibaratkan sebagai buku panduan atau petunjuk, umpamanya, tulisan-tulisan oleh Nguyen Duy Khien³⁸, Joseph P. Quinlan³⁹, Christopher Engholm⁴⁰, Chu Van Hop⁴¹ dan Laurance J. Brahm⁴².

Di samping itu, kajian-kajian sosiologi tentang masyarakat Vietnam juga menjadi sumber rujukan utama pengkaji. Kajian-kajian sebegini amatlah kurang sekali. Sungguhpun kajian Ann Caddell Crawford⁴³ boleh dikirakan lama, namun temuan-temuan kajian pada masa itu masih boleh digunakan dalam menganalisa mentaliti dan budaya masyarakat Vietnam sekarang. Selain Crawford, Nguyen Quoc Tri⁴⁴ juga mengkaji budaya

Vietnam dalam konteks bagaimana budaya Amerika Syarikat boleh diserap dan diguna dalam masyarakat Vietnam. Oleh yang demikian, kajiannya lebih memihak kepada budaya barat dan tidak boleh diguna secara keseluruhannya.

Laporan-laporan mengenai konsep, latar belakang dan proses perkembangan EPZ dan IZ di dunia dapat dirujuk dari laporan oleh *World Bank*, kertas-kertas seminar yang dikeluarkan oleh *World Export Processing Zone Organisation*, laporan-laporan mengenai pembangunan EPZ di negara Zimbabwe, Sri Lanka dan Filipina, rencana-rencana khas ke atas pembangunan EPZ di Vietnam dan *Feasibility Study* yang dibuat oleh Syarikat Marikawan dan sebagainya. Laporan-laporan ini kebanyakannya membincangkan EPZ dalam konteks makro dan ideologinya. Persoalan-persoalan seperti pencapaian, tahap pelaksanaan, kesan-kesan dan cabaran-cabaran di Vietnam jarang didapati. Ia kerana pembangunan EPZ mempunyai sejarah yang muda di Vietnam.

Berpentaskan Vietnam dan Danang EPZ/IZ kajian ini meliputi tempoh masa lebih kurang sepuluh tahun ini, bertujuan untuk meneliti proses-proses yang membawa kepada renovasi Doi Moi dan keberkesanannya dalam pembangunan perindustrian di Vietnam. Pendekatan modenisasi mempercayai pembangunan perindustrian dapat dipercepatkan melalui polisi-polisi buka pintu, peningkatan dalam produktiviti, penyediaan infrastruktur dan fasiliti kewangan, kemasukan pelaburan asing dan pembukaan zon-zon EPZ dan IZ.

Maklumat dan pengalaman selama sepuluh tahun memperlihatkan corak yang konsisten bila mana bertambahnya kemasukan pelaburan asing, yang seterusnya akan meningkatkan KNK dan meninggikan

produktiviti dan mengurangkan kadar pengangguran. Pembangunan zon-zon EPZ dan IZ yang hampir kesemuanya diusahakan dengan kapital asing menggalakkan kemasukan pelaburan asing terutama dalam sektor perkilangan yang berorientasi eksport. Realiti ini diketahui dan difahami oleh masyarakat pelabur asing dan pemimpin-pemimpin negara Vietnam, bagaimanapun kesedaran ini kurang diaplikasi dalam pelaksanaan seharian. Kemasukan pelaburan asing semakin menurun, langkah pembangunan perindustrian semakin perlahan, pembangunan zon-zon EPZ dan IZ lebih memperlihatkan kegagalan daripada kejayaan.

Kajian-kajian terdahulu tidak dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai bagaimana perubahan-perubahan yang berlaku berikutan polisi Doi Moi tidak membawa keputusan yang diharapkan. Kajian ini juga membincang usaha kerajaan Vietnam membuka zon-zon EPZ dan IZ supaya memecut pembangunan perindustrian, bagaimanapun, usaha-usaha ini tidak konsisten dan tidak berjaya. Sebaliknya, hampir setiap zon EPZ and IZ mempunyai masalah yang tersendiri, antaranya yang paling umum ialah pembangunan tersebut memakan masa yang panjang dan kependudukan yang rendah. Pelabur asing yang membangunkan zon-zon tersebut tersekat dalam pelaburan mereka. Pengkaji telah mengguna Danang EPZ/IZ yang dibangun oleh pelabur Malaysia untuk mengkaji sebab-sebab kegagalan zon itu.

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab. Dalam Bab dua, perbincangan akan tertumpu kepada proses reformasi ekonomi dan perindustrian Vietnam dalam perspektif sejarah. Kajian ke atas polisi

pembangunan perindustrian dari tahun-tahun 1950-an hingga 1990-an dijalankan. Selain ini, Kepentingan pelaburan asing dalam pembangunan perindustrian juga dibincangkan. Sehubungan ini, bantuan kewangan asing dan pembiayaan juga dibincangkan. Ini kerana sebelum Vietnam membuka pintu, Vietnam amat kurang dengan pelaburan asing. Vietnam yang sering telibat dalam peperangan amat memerlukan sumber-sumber luar untuk membangun negaranya. Bab tiga membincangkan pembangunan perindustrian di Vietnam selepas renovasi Doi Moi. Dalam bab ini, polisi-polisi dan situasi pelaburan asing dibincangkan. Daripada itu, perbincangan juga dijalankan ke atas penentu-penentu persaingan dari aspek penawaran umpannya tenaga buruh, pembangunan infrastruktur dan sektor kewangan. Bab empat pula membincangkan satu pengalaman pelaburan asing di Danang EPZ/IZ. Pengalaman sebuah syarikat Malaysia yang melabur di dalam Danang EPZ/IZ dalam ragam usahasama dibincangkan dengan teliti. Dengan mengkaji proses penubuhannya, masalah-masalah kritikal yang biasa dihadapi oleh pelabur asing dapat dirumuskan. Bab lima membincangkan penentu keputusan pelabur asing yang melabur di Vietnam. Dalam konteks ini, percanggahan fahaman ideologi, perikliman pelaburan asing yang tidak menggalakkan seperti “*red-tape*” and masalah birokrasi, masalah dalam syarikat usahasama, rasuah dan penyeludupan, masalah mentaliti dan kebudayaan perdagangan dan masalah-masalah lain dibincangkan dengan teliti. Bab enam ialah kesimpulan.

Nota Hujung

-
- ¹ Kiyoshi Kojima, Direct Foreign Investment – A Japanese Model of Multinational Business Operations, Praeger Publishers, New York, 1978, 10.
- ² Mya Than (ed), Vietnam's Dilemmas and Options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993, 6. Nguyen Duy Khien, Doing Business in Vietnam, Chamber of Commerce and Industry of Vietnam, Hanoi, 1996, 9.
- ³ Ibid.39.
- ⁴ The Saigon Times, Dec 30- Jan 5, 1995,19.
- ⁵ Majalah Vietnam Economic Times, Disember 1997.
- ⁶
- ⁷ Nguyen Duy Khien, Doing Business in Vietnam, Chamber of Commerce and Industry of Vietnam, Hanoi, 1996, 10.
- ⁸ Ibid. 39.
- ⁹ Syarikat Marikawan adalah nama samaran. Tindakan memberi nama samaran ini terpaksa dilakukan kerana Pengurus Besar Syarikat tersebut tidak membenarkan nama syarikat sebenar didedahkan. Dengan bersetuju atas syarat ini, pengkaji dibenarkan mendedahkan tentang perkara sebenar yang dialami oleh syarikat tersebut.
- ¹⁰ Suratkhabar Nhan Dan, 21 Februari 1986.
- ¹¹ Vo Nhan Tri, Vietnam's Economic Policy Since 1975, ISEAS, Singapura, 1990; Vo Nhan Tri, Party Policies and Economic Performance: The Second and Third Five-Year Plans Examined dalam David G. Marr & Christine P. white (ed), Postwar Vietnam: Dilemmas in Socialist Development, Southeast Asia Program, Cornell University, New York, 1988.
- ¹² Tetsusaburo Kimura, The Vietnamese Economy (1975-1986): Reforms and International Relations, Institute of Developing Economies, Tokyo, 1989.
- ¹³ Melanie Beresford, National Unification and Economic Development in Vietnam, St. Martin's Press Inc., New York, 1989; Melanie Beresford, The Vietnamese Economy 1979-93: Reforming or Revolutionising Asian Socialism?, Asian Studies Review, Vol. 17, No.2,
- ¹⁴ David G. Marr & Christine P. White (ed), Postwar Vietnam: Dilemmas in Socialist Development, Southeast Asia Program, Cornell University, New York, 1988.
- ¹⁵ Nguyen Anh Tuan, Prospects for Vietnam's Industries: Lesson from East Asia, INSAN, Petaling Jaya, 1996.
- ¹⁶ Per Ronnas & Orjan Sjoberg, Introduction: A Socio-Economic Strategy for Vietnam, Stockholm School of Economics, Sweden, 1991; Per Ronnas & Orjan Sjoberg, Economic Reform in Vietnam: Dismantling the Centrally Planned Economy, The Journal of Communist Studies, Vol. 7, No.1, London, 1991.
- ¹⁷ Stefab de Vyder, Towards a Market Economy? The Current State of Economic Reform in Vietnam, Stockholm School of Economics, Sweden, 1992.
- ¹⁸ Mya Than & Joseph L. H. Tan (ed), Vietnam's Dilemmas and Options: The Challenge of Economic Transition, ISEAS, Singpura, 1993.
- ¹⁹ Dan Ton That, The Role of the State and Economic Development in the Reconstruction of Vietnam dalam Mya Than & Joseph L.H.Tan, Vietnam's Dilemmas and options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993.
- ²⁰ Tetsusaburo Kimura, Present phase of Transition to Market Economy in Vietnam dalam Mya Than & Joseph L.H.Tan, Vietnam's Dilemmas and options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993
- ²¹ Jurgen Reinhardt, Industrial Restructuring and Industrial Policy in Vietnam dalam Mya Than & Joseph L.H.Tan, Vietnam's Dilemmas and options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993
- ²² Adam McCarty, Industrial Renovation in Vietnam, 1986-91 dalam Mya Than & Joseph L.H. Tan, Vietnam's Dilemmas and Options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993.
- ²³ Le Thanh Nghiep, Agricultural Development in Vietnam: Issues and Proposals for Reformation dalam Mya Than & Joseph L.H. Tan, Vietnam's Dilemmas and Options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993.

-
- ²⁴ Geoffrey B. Hainworth, Human Resources Development in Vietnam dalam Mya Than & Joseph L.H. Tan, Vietnam's Dilemmas and Options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993.
- ²⁵ Mya Than, Vietnam's External Trade, 1975-91 dalam Mya Than & Joseph L.H.Tan, Vietnam's Dilemmas and options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993 .
- ²⁶ N.V. Lam, Some Reflections on Development Assistance and Transitional Economic dalam Mya Than & Joseph L.H. Tan, Vietnam's Dilemmas and Options: The Challenge of Economic Transition in the 1990s, ISEAS, Singapura, 1993.
- ²⁷ Derek Tonkin, Vietnam: Market Reform and Ideology dalam Asian Affairs, Vol. XXVIII, Jun 1997.
- ²⁸ Brantly Womack, Vietnam in 1996: Reform Immobilism, Asia Survey, Vol.XXXVII. No. 1, Januari, 1997.
- ²⁹ Gabriel Kolko, Vietnam Since 1975: Winning a War and Losing the Peace, Journal of Contemporary Asia, Vol.25. No.1, Filipina, 1995.
- ³⁰ Andres Thalemann, Vietnam: Marketing the Economy, Journal of Contemporary Asia, Vol. 26. No.3, Filipina, 1996.
- ³¹ William S. Turley & Mark Selden, Reinventing Vietnamese Socialism-Doi Moi in Comparative Perspective, Westview Press, 1993
- ³² Irene Norland & Carolyn L. Gates (ed), Vietnam in a Changing World, Nordic Institute Development Review Series, United Nations Industrial Development Organisation, 1991.
- ³³ Norbert von Hofmann, Economic Reform Policy in Vietnam: Aims, Instruments, Results, kertas seminar yang diterbitkan oleh Friedrich-Ebert-Stiftung, Hanoi, 1993.
- ³⁴ James Riedel, The Vietnamese Economy in the 1990s, Asia Pacific Economic Literature, Vol.11. No.2, Australia, November 1997.
- ³⁵ Wakil wartawan dari Far Eastern Economic Review, visa beliau tidak dapat diperbarui pada tahun 1996 dan mendapat liputan yang luas di luar Vietnam. Dipercaya sebabnya ialah tulisannya yang sering mengutuk kerajaan Vietnam dan melaporakan berita-berita negatif mengenai situasi politik dan ekonomi.
- ³⁶ Mark Mason, Foreign Direct Investment in Vietnam: Government Policies and Corporate Strategies, Exim Review, Vol.17.No.2, Jepun, Februari 1998.
- ³⁷ Carolyn L. Gates & david H.D. Truong, Foreign Direct Investment and Economic Change in Vietnam: Trends, Causes and Effects, Nordic Institute of Asian Studies, Denmark, 1994.
- ³⁸ Nguyen Duy Khien & Mark Carr, Doing Business in Vietnam, VCCI, Hanoi, 1995.
- ³⁹ Joseph P. Quinlan, Vietnam: Business Opportunities and Risks, Heinemann Asia, Singapura, 1995.
- ⁴⁰ Christopher Engholm, Doing Business in the New Vietnam, Prentice Hall, New Jersey, 1995.
- ⁴¹ Chu Van Hop, Guide to Doing Business in Vietnam, CCH International, North Ryde, 1991.
- ⁴² Laurance J. Brahm, Foreign Investment and Trade Law in Vietnam, Asia 2000 Ltd, Hong Kong, 1992.
- ⁴³ Ann Caddell Crawford, Customs and Culture of Vietnam, Charles E. Tuttle Co., Rutland, 1966.
- ⁴⁴ Nguyen Quoc Tri, Culture and Technical Assistance in Public Administration – A study of what can be transferred from the United States to Vietnam, University Microfilms International, Michigan, 1970.